

25 OCT 1996

Taib-Kebakaran

TINDAKAN SUSULAN TERHADAP KEBAKARAN SRK ABG MOH TIDAK LAMA LAGI

KUCHING, 25 Okt (Bernama) -- Tindakan susulan kerajaan negeri terhadap kebakaran asrama kayu Sekolah Rendah Kerajaan (SRK) Abg Moh, Kampung Sessang di Daerah Saratok akan diketahui tidak lama lagi.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, Kabinet telah menerima dan membincangkan laporan terperinci yang disediakan oleh jawatankuasa khas penyiasat yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Taha Ariffin.

"Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Amar Alfred Jabu akan mengadakan persidangan berita khas mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran fotografi Malaysia dan Australia di sini, hari ini.

Dalam kejadian itu, seramai 11 murid rentung selepas gagal menyelamatkan diri dalam kebakaran awal pagi pada 9 Okt manakala dua lagi meninggal dunia di Hospital Kuching selepas segala usaha menyelamatkan gagal.

Mengenai punca kebakaran, beliau berkata, ianya akan diserahkan kepada Jabu untuk mengumumkannya.

Beliau juga berkata, speaker baru Dewan Undangan Negeri Sarawak akan diketahui sebelum sesi persidangan berlangsung dari 18 hingga 27 Nov depan.

Menurut beliau, jawatan itu kali ini akan dipegang oleh seorang wakil kaum Cina berdasarkan giliran bagi setiap bangsa.

Sebelum ini jawatan itu dipegang oleh Datuk Wong Soon Koh bagi jangkamasa singkat sebelum perlantikan beliau sebagai Menteri Pembangunan Infrastruktur menggantikan Tan Sri Dr Wong Soon Kai yang tewas di pilihan raya Sept lepas dan setakat ini jawatan itu dipangku oleh Datuk Awang Asfia Awang Nassar.

Sebanyak 89 foto bertajuk "Vision: A Multicultural Exploration of Malaysia and Australia" hasil karya ahli fotografi dari Malaysia dan Australia akan dipamerkan sehingga 6 Nov depan di bangunan Majlis Bandaraya Kuching Selatan.

Turut hadir di majlis perasmian itu ialah Pengurus Projek (bagi pameran) Marina Mahathir. -- BERNAMA

RDY PR